JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

IKLAN PENGAMBILAN
PEGAWAI LANTIKAN SECARA KONTRAK PERKHIDMATAN
***(CONTRACT OF SERVICE)* DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi jawatan di bawah:

Pembantu Khidmat Am (31 kekosongan)

1. a) Jawatan : Pembantu Khidmat Am Gred H1

   b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

   c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

2. Taraf Jawatan : Kontrak *(Contract of Service)*

3. Tempoh Perkhidmatan : Satu (1) Tahun

4. Jadual Gaji Gred H1 : Jadual Gaji Minimum - Maksimum
   RM1,500.00 – RM4,680.00

5. Penempatan : Semenanjung Malaysia

Bil.	Negeri	Kekosongan	
1.	Negeri Sembilan / Melaka	Seremban Port Dickson	- (1) - (1)
2.	Selangor / Wilayah Persekutuan	Hulu Selangor Kuala Langat Sepang	- (1) - (2) - (2)
3.	Johor	Mersing Kluang Johor Bharu	- (2) - (1) - (1)

4.	Perak	Perak Tengah - (1) Kinta - (2) Kuala Kangsar - (1) Gerik - (2)
5.	Pahang	Pekan - (3) Kuantan - (2) Temerloh - (3) Maran - (2) Lipis - (2) Bera - (1) Jerantut - (1)

6. Syarat Lantikan:

6.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a) Warganegara Malaysia;

b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

(iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

(iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00)

d) Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

e) Keutamaan adalah kepada Orang Asli.

7. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan:

   Pegawai yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1 yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

8. Ringkasan Tugas:

   a) **Penyediaan Makanan Tambahan Kanak-Kanak** - Memasak dan menyediakan makanan tambahan yang seimbang, berkhasiat dan bersih mengikut menu yang ditetapkan.

   b) **Kebersihan dan Keceriaan** - Membersihkan dan memastikan ruang dalam (kelas, dapur, tandas) dan ruang luar (lanskap/longkang) tabika sentiasa bersih, kemas dan ceria.

   c) **Pengasuhan dan Pengawasan Kanak-Kanak** - Membantu Pemaju Masyarakat mengawasi keselamatan kanak-kanak semasa sesi pembelajaran, waktu makan dan aktiviti-aktiviti lain.

   d) **Keselamatan** - Memastikan tingkap ditutup, kelas berkunci dan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan.

   e) **Pengurusan Harian** - Membantu dalam tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan harian tabika yang lain.

CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan JAKOA/A1.513** yang boleh di dapati di Laman Sesawang JAKOA https://www.jakoa.gov.my/umum dan disertakan dengan:

   a) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia;

   b) Salinan sijil kelahiran;

   c) Salinan kad pengenalan;

   d) Gambar berukuran passport; dan

   e) Resume

Sila imbas kod QR di bawah bagi memuat turun Borang Permohonan JAKOA/A1.513



2. Permohonan akan **ditolak** sekiranya:

   a) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;

   b) Tidak lengkap atau tidak terang;

   c) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

   d) Tidak ditandatangani;

   e) Dihantar melalui Whatsapps/Telegram dan setarafnya; dan

   f) Diterima selepas tarikh tutup permohonan.

3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)

4. PENGHANTARAN PERMOHONAN

Borang permohonan hendaklah dihantarkan melalui **pos atau emel** ke alamat seperti berikut;

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Aras 9, Blok A, Bangunan Suasana PjH
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WP PUTRAJAYA

Atau

pengambilan@jakoa.gov.my

5. TEMU DUGA

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap **Tidak Berjaya** sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh tutup iklan.

6. KEPUTUSAN

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pihak Berkuasa Melantik.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan calon boleh menghubungi pegawai JAKOA di talian **03 – 8090 3600 sambungan (3648/ 3615/ 3638).**